

## Ganti Nama Mah Meri: Satu Analisis Sintaksis

### *The Mah Meri's Pronouns: A Syntactic Analysis*

\*FAZAL MOHAMED MUSLIM & SITI NUR BALQIS MOHAMAD YUSOF

#### ABSTRAK

*Perkembangan terkini teori linguistik dalam Program Minimalis telah menyediakan banyak kerangka asas yang kukuh untuk menganalisis kata ganti nama dalam bahasa Mah Meri, sejenis bahasa masyarakat orang asli daripada suku kaum Senoi. Data yang dianalisis dalam makalah ini diambil daripada kajian lapangan yang dilakukan di kawasan perkampungan di Kampung Bukit Bangkong, Selangor. Data tersebut diperoleh dengan cara merakamkan perbualan responden yang menuturkan bahasa Mah Meri. Dua kaedah kajian digunakan, iaitu kaedah pustaka dan kaedah lapangan. Kaedah pustaka digunakan untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan kata ganti nama dan kaedah lapangan untuk mendapatkan data di kawasan lapangan. Data yang telah dikumpulkan itu dicerakinkan dan dianalisis menggunakan Program Minimalis. Proses analisis terhadap kata ganti nama tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu analisis deskriptif dan analisis sintaksis. Analisis deskriptif membincangkan kasus yang terdapat dalam kata gantinama (KGN) bahasa tersebut. Analisis sintaksis menggunakan kerangka program minimalis sebagai teori untuk menganalisis KGN bahasa Mah Meri berdasarkan susunan perkataan asas bahasa Austroasiatik. Hasil daripada analisis ini, satu penemuan novel untuk sebuah bahasa Austroasiatik ialah ganti nama bahasa Mah Meri dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu ganti nama yang membawa kasus dan ganti nama yang ditandakan kasus. Analisis mengenai bahasa Mah Meri menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam perkataan yang mengikuti dan mendahului kata nama. Selain itu, terdapat juga perbezaan dalam pengelasan dan jenis pengelasan yang digunakan dalam bahasa Mah Meri dan bahasa Melayu iaitu terdapat perkataan yang serupa dengan bahasa Melayu walaupun daripada rumpun bahasa yang berbeza.*

Kata kunci:

#### ABSTRACT

*Recent developments in linguistic theory in the Minimalist Program have provided many solid basic frameworks for analyzing pronouns in the Mah Meri language, one of the Senoi group. The data analyzed in this paper is taken from fieldwork conducted at Kampung Bukit Bangkong, Selangor. The data was obtained by recording the conversations of respondents who spoke the Mah Meri language. Two research methods were used, the library method and the field method. The library method was used to collect information related to pronouns, and the field method was used to obtain data on the field area. The data collected was analyzed and analyzed using the Minimalist Program. The analysis process of such pronouns is divided into two parts, namely descriptive analysis and syntactic analysis. The descriptive analysis discusses the cases of pronouns of the language, while the syntactic analysis discusses the syntactic structure of Mah Meri pronouns based on descriptive analysis. The syntactic analysis uses a minimalist program framework to analyze the pronouns in the Mah Meri language. As a result of this analysis, a novel finding for an Austroasiatic language is that Mah Meri language pronouns can be divided into two parts, namely case-bearing and case-marked pronouns. Analysis of these pronouns displays differences in the words that follow and precede a noun. In addition, there are also similarities and differences in the classification between Mah Meri and Malay languages, although they are in different language groups and families.*

Keywords:

## PENDAHULUAN

Bahasa mempunyai fungsi yang penting bagi manusia (Saidatul Nornis 2012). Orang Asli di Malaysia merupakan masyarakat pertama yang menduduki bumi Semenanjung Malaysia dan mereka memperlihatkan ciri-ciri unik yang berlainan dengan penduduk Bumiputera lain di Semenanjung Malaysia. Memandangkan komuniti orang Asli kebanyakannya tinggal di kawasan-kawasan tepi hutan atau kawasan-kawasan pedalaman, komuniti ini ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi dan sosial. Mereka menuturkan bahasa yang dikelompokkan di bawah kelompok bahasa-bahasa Austroasiatik dan Austronesia. Bahasa Negrito dan Senoi dalam keluarga Austosiatik manakala Melayu Proto dalam keluarga Austronesia. (Fazal Mohamed & Mohd Romzi, 2015). Suku kaum Orang Asli pula dibahagikan berpandukan kepada tiga bahasa, iaitu “Suku kaum Negrito, Senoi dan Melayu Proto (Nik Safiah & Ton 1977). Menurut Fazal Mohamed dan Mohd Romzi (2015), bahasa Orang Asli di Malaysia terdiri daripada 18 bahasa. Namun, kertas kerja ini hanya berminat dengan satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Mah Meri. Bahasa Mah Meri merupakan bahasa yang digunakan oleh kaum orang asli Mah Meri di Kampung Bukit Bangkong, Sepang, Selangor. Masyarakat ini merupakan salah sebuah masyarakat minoriti yang banyak turut mendapat bantuan kerajaan sehingga kualiti hidup mereka dianggap memuaskan.

Bahasa Mah Meri kini dituturkan oleh ibu bapa dan generasi tua orang Mah Meri. Walaupun anak-anak mungkin memahami bahasa itu, ibu bapa tidak bercakap bahasa Mah Meri dengan mereka kerana bahasa yang digunakan dalam pendidikan dan bahasa rasmi lain adalah bahasa Melayu standard. Komuniti Mah Meri dianggap paling maju dari semua kumpulan Asli dan sebilangan orang Mah Meri telah lulus dari institusi pengajian tinggi (Asmah Haji Omar, 2014). Namun, kajian ini akan menganalisis kata ganti nama yang terdapat dalam bahasa Mah Meri. Data yang digunakan dalam kertas kerja ini merupakan data primer yang dikutip daripada penutur natif bahasa Mah Meri di Kampung Bukit Bangkong. Kerencaman data yang dikutip melalui kerja lapangan telah dibersihkan dan diasinkan untuk menepati skop kertas kerja ini. Data yang telah dibersihkan dianalisis secara deskriptif untuk melihat elemen yang terdapat dalam kata ganti nama. Seterusnya data berkenaan dianalisis secara sintaksis dengan menggunakan

kerangka Program Minimalis yang merupakan satu pendekatan yang diperkenalkan oleh Chomsky (1995) dalam menganalisis struktur binaan ayat.

Oleh demikian, kajian ini hanya memanfaatkan kasus dalam bahasa Mah Meri sebagai skop kajian. Penandaan kasus tersebut akan diuraikan melalui analisis sintaksis terhadap KGN bahasa Mah Meri dengan menerapkan kerangka program minimalis. Berdasarkan permasalahan kajian, adalah menjadi matlamat utama kajian ini untuk meneliti dan menganalisis penggunaan kata ganti nama oleh masyarakat asli Mah Meri. Oleh yang demikian, kajian ini akan mempamerkan kesemua ganti nama yang wujud dalam bahasa ini dan membahaskan penggunaannya dalam ayat bahasa Mah Meri. Perbahasan ini akan membincangkan dan menghuraikan kedudukan ganti nama dalam ayat yang berfungsi sebagai subjek, objek dan pemilik di dalam ayat mudah.

## KONSEP KATA GANTI NAMA (KGN)

Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2011) dengan penyelidikan yang bertajuk, Struktur Sintaksis Frasa Nama (Austroasiatic vs Austronesia) menganalisis perbezaan susunan kata oleh kumpulan Aslian Kensiu (Austroasiatics) dan Melayu (Austronesia) kerana kedua-duanya telah bersentuhan langsung kerana bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan Malaysia dan bahasa yang digunakan oleh anak-anak asli di sekolah. Oleh kerana itu, sangat penting bagi kita untuk mengetahui perbezaan susunan kata antara kedua bahasa, terutama pada tahap frasa dan ayat. Analisis kedua-dua bahasa tersebut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kata-kata yang mengikuti dan mendahului kata nama. Selain itu, terdapat juga perbezaan dalam pengelasan dan jenis pengklasifikasi yang digunakan dalam kedua-dua bahasa. Akhirnya, struktur sintaksis yang menunjukkan perbezaan antara bahasa telah dicadangkan untuk menyelesaikan ciri-ciri membezakan kedua bahasa yang dilakukan dalam kajian ini.

Menurut Asmah Haji Omar (1980), penggunaan kata ganti nama diri dalam konteks sosiolinguistik dan konteks nahu. Kata ganti nama sebagai kata ganti yang menjadi ganti kepada kata nama dan menunjukkan atau merujuk kepada orang, haiwan atau sesuatu misalnya dia, ia dan mereka. Kata ganti nama yang merujuk kepada manusia terbahagi kepada tiga. Contohnya,

1. Ganti nama diri pertama: saya, aku, beta, patik, kami dan kita
2. Ganti nama diri kedua: kamu, awak, engkau dan anda
3. Ganti nama diri ketiga: ia, dia, beliau dan mereka

Kata ganti nama diri mengikut fungsi dan bentuknya. (Asmah Haji Omar 1980). Kata ganti nama diri mempunyai bentuk tunggal dan bentuk jamak. Dalam sesuatu ayat, kata ganti nama diri boleh berfungsi pada objek, subjek, penyambut dan bahagian dalam adverba. Namun, kajian ini akan memfokuskan terhadap KGN dan kasus yang dibawa atau ditandai pada kesemua KGN dalam bahasa Mah Meri. Oleh yang demikian, kajian ini hanya memanfaatkan kasus dalam bahasa Mah Meri sebagai skop kajian. Penandaan kasus tersebut akan diuraikan melalui analisis sintaksis terhadap KGN bahasa Mah Meri dengan menerapkan kerangka program minimalis.

#### METODOLOGI KAJIAN

##### TEMPAT KAJIAN

Kajian sintaksis ini melibatkan kaedah kuantitatif di Kampung Orang Asli Bukit Bangkong, Selangor. Terdapat hampir 1000 penduduk sekiranya dicampurkan dengan penduduk Mah Meri di kampung yang berdekatan iaitu Kampung Orang Asli Ulu Chuchoh dan Kampung Orang Asli Sungai. Namun kajian ini memilih Kampung Orang Asli Bukit Bangkong kerana kepadatan penduduk Mah Meri lebih tertumpu di sini berbanding dengan kampung yang lain.

##### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini melibatkan kajian lapangan. Kajian ini dijalankan untuk memperoleh data primer yang terdiri daripada data lisan yang terdiri daripada sebutan, leksikal dan struktur ayat dalam bentuk rakaman.

##### POPULASI DAN PERSAMPELAN

Kajian sintaksis ini akan tertumpu pada 2 penutur natif Mah Meri di kawasan pendudukan ini untuk memberikan representasi yang tepat berpandukan sistem kajian sintaksis Chomsky 1995. Untuk analisis sintaksis, jumlah penutur tidak penting

tetapi responden wajib penutur asli untuk bahasa tersebut sahaja (Chomsky 1995). Sistem ini hanya memerlukan representasi yang minimal untuk mewakili setiap kaum atau bangsa bagi mengkaji sintaksis sesuatu bahasa. Informan ini terdiri daripada informan warga emas tanpa mengira status pekerjaan atau tahap pendidikan. Aspek asas demografi yang penting seperti nama, umur, pekerjaan, jantina dan tempat tinggal merupakan aspek penting untuk mendapatkan sasaran maklumat dan data yang berkualiti. Kajian ini telah memilih seorang responden lelaki, dan seorang responden perempuan yang merupakan penutur asli bahasa Mah Meri yang menepati kriteria dan aspek demografi yang ditetapkan seperti tidak meninggalkan kawasan lahirnya agar kajian ini mendapat data bahasa Mah Meri yang sahih dan sesuai dengan keperluan objektif artikel ini. Informan juga wajib tidak datang daripada keturunan kahwin campur dalam puak yang berbeza. Informan mestilah penutur natif bahasa Mendriq yang asal di kampung ini sahaja. Informan juga merupakan penutur asli yang berumur 50 tahun dan ke atas kerana mereka yang berusia lebih tua banyak menggunakan bahasa Mah Meri berbanding mereka yang muda. Kajian yang membincangkan aspek sintaksis ini perlu menggunakan penutur natif sahaja kerana menurut Idris & Mohammed Azlan (2016) dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil (2019), pengertian data bahasa yang alamiah ini sangat utama, dan data itu harus diuji dengan penutur asli bahasa tersebut.

##### TATACARA PENGUMPULAN DATA

Kaedah kualitatif ini menggunakan kaedah sosiologi (wawancara). Sesi temu bual terancang secara individu akan dilaksanakan terhadap individu tertentu untuk mendapat data bahasa. Dalam kajian ini, penyelidik menyediakan 2 set soalan untuk ditemu bual bersama responden dan membuat rakaman sewaktu proses temu bual dijalankan. Temu bual yang digunakan oleh penyelidik adalah temu bual bersemuka. Soalan-soalan temu bual yang dikemukakan kepada responden yang berkenaan telah disusun dan ditetapkan sebagai satu garis panduan dalam sesi temu bual. Bagaimana pun, mereka diberi kelonggaran semasa memberikan jawapan dan penyelidik boleh meminta penjelasan jika jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan. Menurut Rohana Yusof (2003:152), dalam temu bual bersemuka penyelidik boleh mendapat penjelasan yang lebih


terperinci daripada responden terutamanya bagi soalan-soalan yang meminta pendapat daripada mereka. Temu bual ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu latar belakang responden dan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Penyelidik mengajukan soalan kepada responden berkenaan dan mencatat jawapan mereka. Penyelidik juga meminta persetujuan daripada responden berkenaan terlebih dahulu untuk merakam jawapan mereka semasa proses temu bual dilaksanakan. Semua proses pengumpulan data dikendalikan sendiri oleh penyelidik, setelah mendapat kebenaran daripada meeka untuk melaksanakan kajian. Data tersebut seterusnya ditranskripsikan agar pemilihan data yang mempunyai kata ganti nama dapat dianalisis dengan menggunakan Teori Program Minimalis.

### PROGRAM MINIMALIS

Kaedah analisis data merupakan kaedah yang tidak asing dalam setiap kajian yang dilakukan. Dengan kaedah analisis data, hasil sesuatu kajian akan diperolehi. Kaedah ini merupakan satu kaedah untuk mengawal dan mempersempahkan data yang diperoleh oleh pengkaji. Setiap analisis data dilakukan untuk mempersempahkan data kepada bentuk yang lebih bermakna. Cara data itu mempersempahkan menunjukkan bahawa pengkaji telah menganalisis data yang diperoleh dengan sistematik dan efisien. Data yang dianalisis akan disusun rapi seperti yang telah ditetapkan oleh pengkaji akan dianalisis dengan sistematik dan hasil dari analisis data akan dipaparkan dalam bentuk jadual dan juga huraihan.

Teori yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini adalah Program Minimalis yang diperkenalkan oleh Chomsky. Kata ganti nama diri boleh mengambil fungsi kata nama yang digantikannya seperti subjek, objek dan penerang dalam ayat. Setiap kata ganti nama diri mempunyai tugas dan fungsi yang tersendiri. Program minimalis (PM) merupakan satu teori yang bersesuaian dengan kajian ini kerana ia menghuraikan bagaimana konstituen daripada leksikon dipilih dan digabungkan oleh penutur natif sesuatu bahasa tersebut. Menurut Chomsky (1995), PM adalah satu model Tatabahasa Sejagat yang dipercayai dimiliki oleh manusia sejak mereka lahir lagi di dalam Fakulti Bahasanya. PM telah diperkenalkan pada tahun 1995 sebagai sebuah teori yang jauh dari rangka kompleks dan menggunakan kerangka rajah pohon yang

minimal. Selain itu, PM turut menjelaskan tentang cara konstituen digerakkan berdasarkan keperluan ekonomi bagi penghasilan derivasi yang boleh diinterpretasikan oleh antaramuka iaitu Bentuk Fonetik (BF) dan Bentuk Logik (BL). Konsep asas teori PM diilustrasikan seperti Rajah 1 di bawah:



RAJAH 1. Konsep Asas PM

### DAPATAN KAJIAN

#### JENIS KATA GANTI NAMA DIRI DALAM BAHASA MAH MERI

Dalam konteks nahu, ganti nama diri boleh dibahagi kepada tiga sistem diri: diri pertama, diri kedua, dan diri ketiga. Ketiga-tiga sistem diri ini akan dilihat dari segi mufrad (*singular*) dan jamak (*plural*). Dalam bahasa Mah Meri yang digunakan di Kampung Bukit Bangkong, terdapat ganti nama diri yang boleh dibahagi kepada sistem yang tersebut ini. Dalam artikel ini, selain dari pengenalpastian jenis kata ganti nama diri yang digunakan dalam bahasa Mah Meri,uraian mengenai ganti nama diri juga akan diberikan.

Bahasa Mah Meri memiliki 17 KGN diri yang dapat dipecahkan kepada tiga jenis, iaitu KGN diri pertama, KGN diri kedua dan KGN diri ketiga. Terdapat sembilan kata tergolong dalam KGN diri pertama, tiga kata terdiri daripada KGN diri kedua dan lima kata mewakili KGN diri ketiga. KGN diri pertama dapat dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu KGN diri *saya*, *kita* dan *kami*. Dalam bahasa Mah Meri, tiga leksikal yang berbeza digunakan untuk merujuk KGN diri *saya* iaitu *əɻəd*, *əɻən* dan *hik*. Untuk KGN diri *kita* pula, terdapat empat leksikal yang digunakan iaitu *hik*, *he* dan *he hɔk* serta *əɻəd mak*. Manakala KGN diri *kami* pula, diwakili oleh dua leksikal iaitu *hek* dan *he baba* yang mewakili kata ganti nama yang menunjukkan bilangan seperti *he* (kami) dan *baba* bermaksud berdua. Terdapat

leksikal yang sama digunakan bagi menunjukkan kata ganti nama pertama yang berbeza iaitu *hik* yang membawa maksud saya dan kita. KGN *hik* yang memberi maksud saya digunakan dari perspektif wacana, seorang penutur melihat dirinya sebagai *əʔəd* (saya) tetapi untuk merapatkan hubungan atau solidariti, KGN saya juga mengambil bentuk leksikal *hik*. Manakala, KGN *hik* bagi kata nama kita, *hik* menunjukkan KGN yang berfungsi sebagai KGN diri pertama yang berfungsi dalam fungsi milik. KGN diri pertama bahasa Mah Meri ditunjukkan dalam contoh ayat di bawah.

1. əʔəd tiʔtək sama? hi  
*Saya cinta pada awak.*  
‘Saya cinta akan awak.’
2. Kerajaan jet bantuan ha? *hik*.  
*Kerajaan beri bantuan kepada saya.*  
‘Kerajaan memberikan bantuan kepada saya.’

KGN diri yang kedua dibahagikan kepada dua iaitu KGN diri *awak* dan KGN diri *engkau*. KGN diri *engkau* dalam bahasa Mah Meri terdiri daripada dua leksikal iaitu *hi?* dan *hek*. Terdapat perbezaan fungsi bagi KGN diri kedua engkau iaitu bagi KGN *hi?*, KGN ini berfungsi sebagai subjek, objek dan juga pemilik. Manakala bagi KGN *hek* pula, ia hanya mempunyai satu fungsi iaitu boleh berada di

posisi subjek sahaja. Untuk KGN diri *awak* pula, hanya satu leksikal sahaja iaitu *hik*. Contohnya:

3. Pen nohök dari kawt *hi?*  
Pen ini dari kawan *engkau*.  
Kawan engkau beri pen ini.
4. *hik* dʒed bukuk ke gak əʔəd  
*Awak* beri buku itu kepada saya.  
‘Awak memberi buku itu kepada saya.’

Manakala, KGN diri ketiga pula dapat dibahagikan kepada dua iaitu KGN diri *dia* dan KGN diri *mereka*. Bagi KGN diri *dia*, terdapat empat leksikal yang berbeza iaitu *həŋki?*, *əŋgi?*, *əki* dan *ŋki*. Untuk merujuk KGN diri *mereka* pula, satu leksikal digunakan iaitu *naki*. Bagi KGN ketiga, *həŋki?*, *əŋgi?*, *əki*, *ŋki* yang membawa maksud yang sama iaitu dia dan *naki* bermaksud mereka. penggunaan KGN *həŋki?* berada pada posisi subjek, objek dan juga membawa fungsi pemilik. Namun, bagi KGN *əŋgi?* dan *ŋki* pula hanya berada pada posisi subjek. Manakala KGN *əki* boleh berada pada posisi subjek dan selepas kata kerja. Disamping itu, KGN *naki* pula berada pada posisi subjek sahaja. Bentuk khusus bagi ganti nama diri ketiga yang menunjukkan jamak tidak wujud. Namun terdapat konstruksi seperti dalam Jadual 1 di bawah bagi mengambil tempat ganti nama diri ketiga jamak.

JADUAL 1. Konstruksi Jamak KGN diri Ketiga dalam Bahasa Mah Meri

	KGN Menunjukkan Jamak	Kata Nama
Fungsi Subjek	mak he, mak, mak ki, mak ke, hik nadit	Mak dan ma?: orang
Fungsi Objek	mak he, mak, mak ki, mak ke, hik nadit	he: ‘nama itu’ Contoh: Mak he: Orang itu/ Mereka
Fungsi Milik	ma?	

*mak* dan *ma?* membawa maksud sebagai orang. Sekiranya *he* (5) dikolokasi dengan kata nama, ia akan membentuk frasa kata nama yang bermaksud ‘(nama) itu’. Sebagai contoh, *mak he* yang membawa maksud ‘orang itu/mereka’.

5. *mak he* batu api  
*Oang itu* batu api.  
Orang itu memang batu api.

Dalam bahasa Mah Meri, fenomena seperti ini dapat dilihat perbezaannya melalui bilangan orang yang dirujuk. Terdapat juga KGN yang menunjukkan bilangan seperti *he baba* yang bermaksud *kami berdua*. Walaupun perkataan *he* membawa maksud *saya*, ia juga boleh berubah makna kepada *kami* bergantung kepada konteks pengucapan seseorang itu. Seperti contoh di bawah:

6. *he bapek* cok laut  
*Kami bertiga* pergi laut.  
‘Kami bertiga pergi ke laut.’

Bagi KGN *he* yang membawa maksud *kami* ia berfungsi sebagai bentuk KGN diri pertama jamak seperti yang nyatakan dalam contoh ayat (6). Disamping itu, *bapek* yang bermaksud *bertiga*, *bərəmpat* (berempat) atau *bəlimə* (berlima) boleh digunakan dalam ayat dengan cara yang sama untuk bermaksud ‘*kami bertiga*, *kami berempat*, *kami berlima*’. Demikian juga dengan nombor yang lain. Selain dari itu, *nadit* yang bermaksud *semua* juga boleh berkolokasi dengan *əʔəd* atau *he* untuk membawa maksud *kami/kita semua*. Sebagai contoh:

7. *he nadit təla wayat*  
*Kita semua tengok wayang.*  
‘Kita semua menonton wayang.’

Berdasarkan data di atas, boleh dirumuskan bahawa *he* tidak membawa maksud jamak. Sama ada ganti nama mufrad (dia) atau jamak (mereka) yang dimaksudkan hanya dapat difahami melalui konteks. Walau bagaimanapun, bagi penutur bahasa Mah Meri, mereka sudah mengetahui bahawa setiap leksikal yang digunakan mempunyai rujukan yang tertentu. Selain itu, jika diperhatikan, didapati terdapat KGN yang sama leksikalnya, tetapi mempunyai maksud yang berlainan. KGN *hik* iaitu membawa maksud kata nama kita adalah sama dengan leksikal KGN *hik* yang membawa maksud *awak*. Disamping itu, KGN *hik* juga membawa maksud *saya* dan mempunyai leksikal yang sama yang bermaksud *kita (hik)*. KGN *hek* yang membawa maksud *kita* juga sama dengan leksikal KGN yang membawa maksud *engkau (hek)*. Fenomena seperti ini sebenarnya mempunyai perbezaan dari segi penggunaannya dalam percakapan. Terdapat juga KGN yang merujuk kepada makna yang sama tetapi mempunyai fungsi yang berbeza. Penggunaan KGN ini bergantung kepada penggunaan dalam pengucapan seseorang.

Kata ganti nama Mah Meri mempunyai perbezaan fungsi ganti nama yang digunakan dan kajian ini dapat melihat perbezaan diantara kata ganti nama bahasa Mah Meri dan juga bahasa yang lain. Menurut kajian yang dijalankan oleh Tan Tiam Lai dan Norul Haida Bt Reduzan (2013), Kata ganti nama diri orang pertama dalam bahasa Melayu “aku” merujuk kepada diri sendiri apabila bercakap dengan orang yang mempunyai hubungan yang sangat rapat atau mesra, adalah agak kasar digunakan terhadap orang yang perlu dihormati, “aku” biasanya digunakan dalam pertuturan. Dalam

bahasa Cina, 我 wo “saya” digunakan tanpa mengira darjah keakraban orang yang dirujuk. KGN 我 wo “saya” boleh digunakan dalam pertuturan atau penulisan. Manakala kata ganti nama diri dalam sistem bahasa Mah Meri, bentuk ganti nama diri pertama dalam fungsi milik adalah *saya* iaitu /əʔəd/. Dilihat dari perspektif wacana pula, seorang penutur melihat dirinya sebagai “saya” /əʔəd/ tetapi untuk merapatkan hubungan atau solidariti, “saya” juga mengambil bentuk /he/ iaitu *kita* atau *kami* dan /hik/ iaitu awak.

#### PENGKATEGORIAN KATA GANTI NAMA DIRI DAN PENANDAAN KASUS DALAM BAHASA MAH MERI

Menurut Chomsky (1986) setiap kata nama yang jelas perlu memiliki atau ditandakan kasus. Oleh yang demikian, setiap kata nama yang terdiri daripada KGN ini juga perlu ditandakan atau memiliki kasus. Jika sesuatu KGN itu berfungsi sebagai subjek ayat maka akan ditanda atau memiliki kasus nominatif. KGN bahasa Mah Meri berfungsi berdasarkan kedudukannya yang tertentu. KGN yang hadir pada posisi subjek berfungsi sebagai subjek. KGN yang hadir pada posisi objek berfungsi sebagai objek. KGN yang hadir bersebelahan dengan kata nama yang kena milik pula berfungsi sebagai pemilik. Setiap kata nama ini boleh juga diwakili oleh KGN.

Walau bagaimanapun, jika KGN itu berfungsi sebagai objek ayat, maka akan ditanda atau memiliki kasus akusatif. Jika KGN itu berfungsi sebagai pemilik pula, akan ditanda atau memiliki kasus genetif. KGN boleh dibahagikan kepada KGN pertama, kedua dan ketiga. Makalah ini membincangkan secara deskriptif KGN pertama dahulu. KGN diri əʔəd dalam bahasa Mah Meri boleh berfungsi sebagai subjek ditandakan dengan ayat (8), objek sebagai ayat (9) dan pemilik sebagai ayat (10):

8. əʔəd tiʔtək sama? hi  
*Saya cinta pada awak.*  
‘Saya cinta akan awak.’
9. hik seʔeh hak əʔəd  
*Dia cemburu pada saya.*  
‘Dia cemburu dengan saya.’
10. duk əʔəd hat təhək  
*Rumah saya di sini.*  
‘Rumah saya di sini.’

Dalam sistem bahasa Mah Meri, bentuk ganti nama diri pertama dalam fungsi milik adalah *əʔəd*. Dilihat dari perspektif wacana pula, seorang penutur melihat dirinya sebagai ‘*saya*’ *əʔəd* tetapi untuk merapatkan hubungan atau solidariti. *Saya* juga mengambil bentuk *he* (kami/kita) dan *hik* (awak). Berdasarkan data (8), (9) dan (10) tersebut, KGN *əʔəd* dalam data (8) berfungsi sebagai subjek. Oleh yang demikian, kata kerja menandakan kasus nominatif pada KGN tersebut. Hal ini demikian kerana KGN *əʔəd* hadir pada bahagian subjek ayat. Data (9) pula jelas menunjukkan *əʔəd* ditanda kasus akusatif, iaitu dengan kehadiran yek pada kedudukan objek ayat. Bagi data (10) pula, KGN *əʔəd* ditanda kasus genetif kerana KGN ini yang hadir sebagai pemilik dalam frasa nama tersebut. Oleh itu, *əʔəd* tidak memiliki kasus tetapi ditandai kasus berpandukan kedudukannya dalam ayat kerana KGN ini tidak mempunyai kedudukan atau fungsi yang tetap dalam ayat.

Namun keadaan agak berbeza bagi KGN *hik*. KGN ini tidak boleh hadir sebagai subjek (11) dalam ayat dan tidak boleh hadir pada objek (12). KGN ini hanya boleh berfungsi sebagai membawa maksud kepunyaan sahaja seperti dalam (13):

- 11. sedap tak hati *hik*  
Sedap tak hati *saya*.  
‘Tidak sedap betul hati saya.’
- 12. *hik* *pε?* naki  
*Dia* pukul mereka.  
‘Dia memukul mereka.’
- 13. naki *pε?* *hik*  
Mereka pukul *saya*.  
‘Mereka memukul saya.’

Berdasarkan data (11), (12) dan (13) di atas, KGN *hik* hanya boleh hadir pada bahagian objek yang membawa maksud kepunyaan sahaja. *Hik* tidak boleh hadir pada bahagian subjek kerana ia akan mengubah fungsi KGN tersebut kepada KGN diri yang ketiga iaitu dia (12). Hal ini menunjukkan bahawa *hik* memiliki kasus nominatif dan ditandakan kasus nominatif kepadanya oleh kata kerja.

Bagi KGN *he hɔk*, *he*, *hik* dan *əʔəd mak* yang membawa maksud kita. Bagi KGN ini, ada yang boleh hadir dan berfungsi sebagai subjek, objek dan membawa maksud pemilik. Namun, terdapat juga KGN yang hanya berfungsi sebagai subjek. KGN *he* (14,5,16) boleh hadir di bahagian subjek,

objek dan membawa maksud milik. Manakala KGN *he hɔk* (17) dan *əʔəd mak* (18) hanya boleh hadir dibahagian subjek dan ini menunjukkan KGN ini ditandai dengan kasus nominatif sahaja.

- 14. *he* nadit tʃəla wayat  
*Kita* semua tengok wayang.  
‘Kita semua menonton wayang.’
- 15. gaʔu pε? *he*  
*Kakak* pukul *kita*.  
‘Kakak memukul kita.’
- 16. ma? ke dalap duk *he*  
*Orang* itu dalam rumah *kita*.  
‘Orang itu di dalam rumah kita.’
- 17. *he hɔk* tʃəla wayat  
*Kita* tengok wayang.  
‘Kita pergi menonton wayang.’
- 18. *əʔəd mak* timbul yunivəvsti  
*Kita* dari universiti.  
‘Kita daripada universiti.’

Data 14, 15 dan 16 di atas menunjukkan KGN *he* pada posisi subjek dan objek ayat. Berdasarkan data di atas, *he* boleh menggantikan tempat KGN tersebut pada bila-bila masa sahaja tanpa mengubah makna ayat tersebut. Oleh sebab itu, analisis ini mendakwa bahawa KGN tersebut, ditandakan kasus nominatif dan kasus akusatif masing-masing dalam ayatnya. Oleh yang demikian, *he* ditandakan sebagai kasus nominatif atau akusatif berpandukan kedudukannya dalam ayat. Data (17) dan (18) jelas menunjukkan bahawa KGN *he hɔk* atau *əʔəd mak* tidak memiliki atau ditandakan kasus akusatif kerana KGN tersebut tidak boleh hadir pada bahagian objek dan membawa maksud pemilik.

Seterusnya, KGN *hek* yang membawa maksud kami. Terdapat juga KGN yang membawa maksud yang sama yang menunjukkan bilangan iaitu *he baba* dan *əʔəd baba* yang bermaksud kami berdua. Berdasarkan data dibawah, KGN *hek* (19) membawa fungsi sebagai milik. Ini menunjukkan KGN ini ditandakan dengan kasus nominatif. Manakala *he baba* (20) dan *əʔəd baba* (21) berfungsi sebagai subjek dan ditandakan dengan kasus nominatif. KGN ini tidak boleh ditandakan dengan kasus akusatif kerana KGN ini tidak boleh hadir pada objek dan tidak menunjukkan fungsi pemilik.

19. ləməl *hek kəbɔih dah*  
*Suami kami mati dah.*  
‘Suami kami sudah meninggal dunia.’
20. *he baba t'elə wayat*  
*Kami berdua tengok wayang.*  
‘Kami berdua pergi menonton wayang.’
21. əʔəd *baba t'ək t'elə wayat*  
*Kami berdua pergi tengok wayang.*  
‘Kami berdua pergi menonton wayang.’
- Seterusnya, kita lihat pula posisi yang terdapat dalam KGN diri kedua bahasa Mah Meri. KGN kedua bahasa Mah Meri ialah *hik*, *hi?* dan *hek*. Daripada ketiga-tiga KGN ini, hanya *hik* (awak) dan *hi?* (engkau) sahaja yang berfungsi sebagai subjek, objek dan pemilik.
22. *hik dʒed bukuk ke gak əʔəd*  
*Awak beri buku itu kepada saya.*  
‘Awak memberi buku itu kepada saya.’
23. *amoi, dah bətahot-tahot səroh ʃot hik*  
*Amboi, dah bertahun-tahun tidak berjumpa awak.*  
‘Amboi, sudah bertahun-tahun tidak berjumpa awak.’
24. *nake duk hik*  
*Itu rumah awak.*  
‘Itu rumah awak.’
25. *hi? baba cok*  
*Engkau berdua pergi.*  
‘Engkau berdua pergi.’
26. *gaʔu dʒəd basikal gak hi? ?*  
*kakak beri basikal kepada engkau?*  
‘Kakak memberi basikal itu kepada engkau?’
27. *Pen nəhək dari kawt hi?*  
*Pen ini dari kawan engkau.*  
‘Pen ini daripada kawan engkau.’

Merujuk data di atas, didapati *hik* dan *hi?* boleh hadir pada posisi subjek, objek dan pemilik dalam sesuatu ayat. Hal ini bermakna *hik* berfungsi sebagai subjek (22), objek (23) dan pemilik (24). Oleh itu, *hik* boleh ditandai dengan kasus nominatif dalam ayat (22) dan akusatif dalam ayat (23) Selain itu, *hik* juga boleh ditandai dengan kasus milik atau genetif dalam ayat (24). Begitu juga dengan KGN *hi?*, KGN

ini berfungsi sebagai subjek (39), objek (26) dan pemilik (27). Justeru itu, *hi?* boleh ditandai dengan kasus nominatif dalam ayat (25) dan akusatif pada ayat (26) serta ditandai dengan kasus milik atau genetif dalam ayat (27).

Seterusnya, KGN *hek* pula, hanya mempunyai satu fungsi iaitu boleh berada di posisi subjek sahaja. Merujuk ayat (28) dibawah, KGN *hek* hanya hadir pada posisi subjek, maka KGN ini berfungsi sebagai subjek sekali gus ditandai dengan kasus nominatif. Walau bagaimanapun, *hek* tidak boleh hadir pada posisi objek dan berfungsi sebagai pemilik. Oleh itu, keadaan ini menjelaskan bahawa KGN *hek* tidak boleh ditandai dengan kasus akusatif dan kasus genetif.

28. *hek nari je, nari malu de*  
*Engkau menari je, menari malu jangan.*  
‘Engkau menari sahaja, jangan malu.’

Seterusnya, KGN diri yang ketiga bahasa Mah Meri iaitu *həŋki?*, *əŋgi?*, *əki* dan *ŋki* yang membawa maksud ‘dia’ dan *naki* bermaksud ‘mereka’. Daripada kelima-lima KGN diri ketiga ini, hanya KGN *həŋki?* sahaja yang mempunya ketiga-tiga fungsi iaitu subjek (29), objek (30) dan pemilik (41). Oleh itu, dari segi kasus, KGN ini ditandai dengan ketiga-tiga kasus iaitu kasus nominatif, akusatif dan genetif.

29. *həŋki dʒed bukuk kek hak naki*  
*Dia beri buku itu kepada mereka.*  
‘Dia memberi buku itu kepada mereka.’

30. əʔəd seʔeh həl jəlau həŋki  
*Saya cemburu betul tengok dia.*  
‘Saya cemburu betul melihat dia.’

31. *dʒəŋgot həŋki dʒdi? t'ənuai*  
*Janggut dia jadi panjang.*  
‘Janggut dia sudah menjadi panjang.’

Bagi KGN *əŋgi?* (dia) (32) dan *naki* (mereka) (33) pula, ia hanya menerima kasus nominatif sahaja kerana KGN ini hanya boleh berada pada posisi subjek sahaja. Maknanya, KGN ini hanya boleh berfungsi sebagai subjek sahaja. KGN ini tidak berfungsi sebagai pemilik kerana tidak boleh hadir untuk membawa maksud kepunyaan atau milik. Oleh demikian, dari segi kasus, kedua-dua KGN ini hanya boleh ditandai kasus nominatif sahaja.

32. *əŋgi?* t'ok dah  
*Dia pergi sudah.*  
‘Dia sudah pergi.’
33. *Naki da? ha? duk balai*  
*Mereka ada di rumah balai.*  
‘Mereka berada di rumah balai.’
34. *əki* məŋabdoŋ kənən sulon  
*Dia mengandung anak sulung.*  
‘Dia mengandungkan anak sulung.’
35. kalu? do met *əki* mimaŋ  
Kalau air mata *dia* memang.  
‘Dia memang kalau menangis.’

Seterusnya, bagi KGN *əki*, ia boleh berfungsi sebagai objek dan membawa fungsi pemilik. Oleh itu, KGN ini boleh menerima tanda kasus genetif (34) dan nominatif (35). KGN ini tidak boleh hadir pada objek dan tidak menerima kasus akusatif. Selain itu, KGN diri ketiga iaitu *ŋki* (36) pula, KGN ini hanya didapati pada subjek sahaja. Oleh itu, ia hanya boleh ditandai kasus nominatif sahaja.

36. *ŋki* dəŋki hak əʔəd  
*Dia dengki pada saya.*  
‘Dia dengki dengan saya.’

Hasil daripadauraian di atas, kehadiran KGN dalam bahasa Mah Meri yang membawa pelbagai kasus, iaitu kasus nominatif, akusatif dan genetif dapat dipaparkan dengan jelas dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Kasus dalam KGN bahasa Mah Meri

Jenis Kata Ganti Nama (KGN)	Kata Nama	Kata Ganti Nama (KGN)	Kasus Nominatif	Kasus Akusatif	Kasus Genetif
KGND pertama	Saya	əʔəd	✓		
		əʔən	✓		
		hik	✓		
	Kita	he hək	✓		✓
		he			✓
		Hik			✓
		əʔəd mak	✓		✓
	Kami	hek	✓	✓	✓
		he (baba: berdua) əʔəd baba	✓	✓	
KGN diri kedua	Awak	hik	✓	✓	✓
	Engkau	hi?	✓	✓	✓
		hek	✓	✓	
KGN diri ketiga	Dia	həŋki?	✓	✓	✓
		əŋgi?	✓		
		əki	✓		
		ŋki	✓		
	Mereka	naki	✓		


## ANALISIS SINTAKSIS KATA GANTI NAMA DIRI BAHASA MAH MERI

Analisis di atas mendapati bahawa suatu KGN dalam bahasa itu boleh sama ada menerima kasus atau hadir dengan kasus. Namun kasus ini tidak nampak tanpa analisis sintaksis. Oleh yang demikian, kehadiran kasus pada suatu KGN dapat digambarkan dalam struktur sintaksis sesuatu ayat yang dihadirinya. Oleh itu, analisis sintaksis hanya memfokuskan penandaan kasus terhadap KGN yang terdapat dalam struktur sintaksis ayat kenyataan bahasa Mah Meri.

Data KGN *əʔəd* (saya) diambil untuk analisis sintaksis. Hal ini demikian kerana, mengikut Jadual 4, KGN *əʔəd* boleh ditandai dengan ketiga-tiga kasus dan dapat memaparkan proses penandaan bagi ketiga-tiga kasus dalam KGN bahasa Mah Meri. Kasus nominatif ialah kasus yang ditandai pada KGN yang menduduki posisi subjek. Oleh yang demikian, ayat (37) ditulis dan struktur sintaksisnya analisis untuk memaparkan penandaan kasus nominatifnya.

### 37. *əʔəd cok laut*

*Saya pergi laut.*  
*‘Saya pergi ke laut.’*



RAJAH 1. Kasus Nominatif KGN *əʔəd*

Ayat (37) ditandakan sebagai (Rajah 1). Berdasarkan Rajah 1, penghasilan rajah pohon dimulakan dengan frasa kerja (FK), iaitu dengan menggabungkan kata kerja (K) cok dan kata nama (N) laut. Proses ini telah memenuhi fitur pemilihan-K bagi cok yang memerlukan kata nama (N) pada posisi objek melalui hubungan adik beradik (sisterhood). Hal ini demikian kerana pergi merupakan kata kerja transitif yang memerlukan argumen bagi membentuk frasa kerja. Oleh yang demikian, kata nama laut dipilih untuk dipadankan dengan kata kerja hagak. Langkah kedua ialah FK dan k kecil bergabung membentuk k' (k tanda). (k) kecil ini pula membentuk struktur cantuman

yang diduduki oleh fitur tak berinterpretasi [uN] di sebelah kanan. Posisi sebelah kiri pula diduduki oleh hagak yang naik ke posisi k untuk memenuhi Uniformity of P-Assignment Hypothesis (UTAH) yang menyebabkan hagak pada output FK meninggalkan bekas (<cok>). UTAH merupakan hubungan tematik antara predikat dan argumen yang diwakili oleh hubungan struktur sintaksis ketika item digabungkan.

Langkah ketiga, output yang terhasil pada langkah kedua akan bergabung dengan KGN *əʔəd* bagi memenuhi fitur pemilihan-N yang diprojeksikan dari k ke k'. Fk ini membentuk struktur cantuman yang diduduki oleh frasa tugas iaitu hagak.

Seterusnya, langkah keempat memperlihatkan gabungan yang berlaku antara output pada langkah ketiga dengan KALA yang mempunyai fitur kala kini dan fitur kasus yang tidak berinterpretasi [akan datang, nom]. Langkah kelima pula menunjukkan berlakunya proses prinsip KESERASIAN antara KALA dan k. KALA akan menyemak dan memberi nilai fitur uN, iaitu kini pada k. Proses penyemakan dan pemberian nilai ini berlaku apabila kala [akan datang] dipilih menjadi pasangan Fk. Pemilihan kala [akan datang] adalah kerana dalam binaan Fk masih mempunyai fitur tak berinterpretasi yang belum disemak, iaitu [uN:].


Bagi membuat penyemakan tersebut, proses keserasian (agree), iaitu proses yang menyemak fitur dengan memberi nilai akan diaplikasikan terhadap fitur fungsian kala [akan datang]. Sesuatu fitur hanya akan diberi nilai oleh fitur berinterpretasi yang sepadan sahaja. Dalam proses derivasi di atas, kala mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dan fitur Extended Projection Principle (EPP) [uN\*], iaitu proses penyemakan terhadap fitur yang tidak berinterpretasi [uN] boleh dilakukan melalui proses keserasian. Hal ini demikian kerana fitur yang berinterpretasi tersebut masih di bawah satu perintah-k dan sepadan. Oleh yang demikian, proses memberi nilai terhadap kala [akan datang] yang memerintah-k

[uN] kepada fitur [akan datang] akan dilakukan untuk menghasilkan [uN: akan datang] dan seterusnya fitur yang tak berinterpretasi tersebut dapat disemak.

Seterusnya, KGN  $\partial\vartheta d$  akan bergerak naik ke posisi spek FKALA untuk disemak dan diberi nilai [tunggal, nom] melalui hubungan SERASI dengan KALA yang menyebabkan  $\partial\vartheta d$  meninggalkan bekas ( $<\partial\vartheta d>$ ) pada posisi spek Fk.  $\partial\vartheta d$  yang mempunyai fitur yang tak berinterpretasi [tunggal, nom] bergabung dengan KALA' yang mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN\*] menyebabkan berlakunya proses penyemakan fitur di bawah sistem adik-beradik. Proses yang berlaku di atas telah menyebabkan KGN  $\partial\vartheta d$  ditandai dengan kasus nominatif, manakala kata nama *laut* ditandai dengan kasus akusatif. Hal ini membuktikan bahawa KGN ini ditandakan dengan kasus.

Analisis seterusnya akan membincangkan ayat (38) yang ditulis sebagai (38) untuk analisis sintaksis. Proses penandaan kasus akan diuraikan dengan lebih lanjut melalui kerangka program minimalis. Ayat (38) ditandakan sebagai Rajah 2.

38. hik  $p\epsilon?$   $\partial\vartheta d$   
 Dia pukul *saya*.  
 ‘Dia memukul saya.’



RAJAH 2. Kasus dalam KGN Bahasa Mah Meri

Rajah 2 menunjukkan ayat *hik pe? əʔəd*. Menurut program minimalis, proses derivasi akan terbentuk dari struktur bawah dahulu kemudian beralih ke struktur yang seterusnya. Oleh sebab itu, proses pembentukan struktur dimulai dengan proses penggabungan antara kata kerja (K) *pe?* yang memiliki fitur [K, uN] dengan KGN *əʔəd* yang memiliki fitur [N, 3, tunggal akus]. Kata kerja *pe?* merupakan kata kerja transitif yang memerlukan sesuatu argumen untuk digabungkan. Oleh yang demikian, *pe?* telah memilih KGN *əʔəd* untuk bergabung. Proses penggabungan ini telah memenuhi fitur pemilihan-K, iaitu *pe?* memerlukan kata nama (N) pada posisi objek melalui hubungan adik beradik (*sisterhood*). Fitur pemilihan-K merupakan fitur pemilihan kategori yang terdapat dalam leksikal yang akan menentukan kategori leksikal mana yang patut hadir untuk digabungkan dengan leksikal berkenaan. KGN *əʔəd* ditandakan fitur [N, akus] oleh kata kerja yang mendahuluiinya, iaitu *pe?*.

Seterusnya, FK dan k akan bergabung untuk membentuk k'. Selepas itu, k ini pula akan membentuk struktur cantuman yang didahului oleh fitur tak berinterpretasi [uN] di sebelah kanan. Di sebelah kiri pula akan diduduki oleh kata kerja. Berdasarkan gerakan yang berlaku, *pe?* akan bergerak naik ke posisi k untuk memenuhi UTAH yang menyebabkan *pe?* pada posisi asal meninggalkan bekas <*pe?*>. Langkah seterusnya, output yang terhasil akan bergabung dengan KGN *hik* untuk memenuhi fitur pemilihan-N pada k' yang diprojeksikan daripada k untuk membentuk Fk. Output yang terhasil itu pula akan bergabung dengan KALA yang mempunyai fitur kala kini dan fitur kasus nominatif.


Seterusnya, hubungan KESERASIAN akan berlaku antara KALA dengan k. Selepas itu, k akan disemak dan diberi nilai uN, iaitu kini oleh KALA. Proses penyemakan dan pemberian nilai ini berlaku apabila kala [kini] dipilih menjadi pasangan Fk. Pemilihan kala [kini] adalah kerana dalam binaan Fk

masih mempunyai fitur tak berinterpretasi yang belum disemak, iaitu [uN]. Bagi membuat penyemakan tersebut, proses keserasian (*agree*) diaplikasikan terhadap fitur fungsian kala [kini]. Proses keserasian merupakan proses yang menyemak fitur dengan memberikan nilai. Sesuatu fitur hanya akan diberi nilai oleh fitur berinterpretasi yang sepadan sahaja. Dalam proses derivasi di atas, kala mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dan fitur *Extended Projection Principle* (EPP) [uN\*], iaitu proses penyemakan terhadap fitur yang tidak berinterpretasi [uN] boleh dilakukan melalui proses keserasian. Hal ini demikian kerana fitur yang berinterpretasi tersebut masih di bawah satu perintah-k dan sepadan. Oleh yang demikian, proses memberi nilai terhadap kala [kini] yang memerintah-k [uN] kepada fitur [kini] akan dilakukan untuk menghasilkan [uN: kini] dan seterusnya fitur yang tak berinterpretasi tersebut dapat disemak.

Pada gerakan B, KGN *hik* dari posisi spek Fk akan bergerak naik ke posisi spek FKALA untuk disemak dan diberi nilai [tunggal, nom] melalui hubungan SERASI dengan KALA. *Hik* pada posisi spek Fk akan meninggalkan bekas <*hik*> selepas *hik* naik ke posisi spek FKALA. Proses penyemakan dan pemberian nilai bagi fitur [tunggal, nom] berlaku disebabkan *Hik* yang ditandakan fitur yang tak berinterpretasi [nom] bergabung dengan KALA' yang mempunyai fitur tak berinterpretasi [uN\*]. Proses penggabungan itu menyebabkan berlakunya proses penyemakan fitur di bawah sistem adik beradik. Oleh yang demikian, kata kerja *pe?* menandai *əʔəd* dengan kasus akusatif. Walau bagaimanapun, *hik* pula ditandai dengan kasus nominatif kerana *hik* ditandai oleh kala.

Analisis seterusnya adalah terhadap ayat (39) yang ditulis semula sebagai (39) ditandakan Rajah 3. Analisis sintaksis akan diuraikan di bawah.

39. Jøk əʔəd təgət  
Kaki saya patah.  
'Kaki saya patah.'



RAJAH 3. Kasus Genetif KGN e?ed

Rajah di atas menunjukkan rajah pohon yang dihasilkan bermula dengan kata kerja (K) *t?g?t*, iaitu *t?g?t* merupakan kata kerja tak akusatif. Hal ini menyebabkan posisi spek FK tidak wujud dan posisi objek pula telah diisi dengan subjek ayat, iaitu frasa nama *jok e?ed* yang menandai kasus genetif. Langkah pertama, kata nama *jok* di posisi D telah diprojeksikan ke *D'* dan mengalami proses penyemakan dengan kata nama *e?ed* di bawah sistem adik beradik untuk membentuk FD. Frasa nama (FD) yang ditanda kasus genetif oleh *D* yang berada pada posisi objek boleh terus bergerak naik ke posisi spek FKALA melalui hubungan KESERASIAN bagi memenuhi EPP (fitur uN\*). Menurut EPP, semua ayat mestilah mempunyai subjek. *k* diandaikan wujud dengan predikat tak akusatif yang tidak mempunyai fitur pemilihan uN menyebabkan posisi spek tiada.

Merujuk gerakan yang berlaku, *t?g?t* akan bergerak naik ke posisi K yang diletuskan untuk memenuhi UTAH. Seterusnya, KALA dan *k* akan melalui prinsip hubungan KESERASIAN. Dalam proses ini, fitur yang tidak berinterpretasi pada *k* akan disemak dan diberi nilai fitur, iaitu *kini* oleh KALA. Proses penyemakan dan pemberian nilai ini berlaku apabila kala [kini] dipilih menjadi pasangan Fk. Pemilihan kala [kini] adalah kerana dalam binaan Fk masih mempunyai fitur tak

berinterpretasi yang belum disemak, iaitu [uN]. Bagi membuat penyemakan tersebut, proses keserasian (*agree*) diaplikasikan terhadap fitur fungsian kala [kini]. Proses keserasian merupakan proses yang menyemak fitur dengan memberi nilai. Sesuatu fitur hanya akan diberi nilai oleh fitur berinterpretasi yang sepadan sahaja. Dalam proses derivasi di atas, kala mempunyai fitur berinterpretasi [kini] dan fitur *Extended Projection Principle* (EPP) [uN\*], iaitu proses penyemakan terhadap fitur yang tidak berinterpretasi [uN] boleh dilakukan melalui proses keserasian. Hal ini demikian kerana fitur yang berinterpretasi tersebut masih di bawah satu perintah-k dan sepadan. Oleh yang demikian, proses memberikan nilai terhadap kala [kini] yang memerintah-k [uN] kepada fitur [kini] akan dilakukan untuk menghasilkan [uN: kini] dan seterusnya fitur yang tak berinterpretasi tersebut dapat disemak.

Seterusnya, gerakan kedua pula merujuk pergerakan naik *jok e?ed* daripada posisi objek ke posisi spek FKALA melalui hubungan SERASI bagi memenuhi EPP, iaitu fitur uN\*. *jok e?ed* yang mempunyai fitur [tunggal, gen] akan disemak dan diberi nilai melalui hubungan SERASI dengan KALA. Oleh sebab itu, *e?ed* telah ditandai dengan kasus genetif kerana kehadirannya yang membawa maksud milik.

## KESIMPULAN

Orang asli Negrito di Semenanjung Malaysia merupakan kumpulan minoriti yang mempunyai bahasa ibunda antaranya bahasa Mah Meri. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh ahli-ahli bahasa, kedudukan bahasa-bahasa orang asli yang tergolong dalam kumpulan bahasa Austroasiatik ini semakin terhakis kerana dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Fenomena ini disokong oleh Fazal dan Nurulafiqah (2012, p. 476) yang menyatakan bahawa kealpaan terhadap khazanah bahasa akan menyebabkan berlaku kepupusan seperti yang berlaku terhadap bahasa daripada rumpun Austroasiatik di Malaysia. Justeru demi melestarikan kesejahteraan bahasa ibunda mereka seperti bahasa Mah Meri, peminjaman kata berlaku terutamanya terhadap bahasa Melayu. Penyelidikan ini berusaha untuk menghasilkan analisis mengenai kata ganti nama diri (KGN) dalam bahasa Mah Meri. Penemuan ini berdasarkan kepada persoalan kajian dan dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan jenis KGN yang terdapat dalam bahasa Mah Meri dan juga menjawab persoalan kajian pertama. Bahagian kedua berkaitan dengan pengkategorian KGN dalam bahasa Mah Meri berserta ditandai dengan kasus. Akhir sekali penemuan membincangkan KGN bahasa Mah Meri menggunakan kerangka program minimalis. Oleh itu, penyelidikan ini menetapkan kategori kata nama Mah Meri dan menunjukkan strukturnya.

Penyelidikan ini berusaha untuk menghasilkan analisis mengenai kata ganti nama diri (KGN) dalam bahasa Mah Meri. Penemuan ini berdasarkan kepada persoalan kajian dan dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan jenis KGN yang terdapat dalam bahasa Mah Meri dan juga menjawab persoalan kajian pertama. Bahagian kedua berkaitan dengan pengkategorian KGN dalam bahasa Mah Meri berserta ditandai dengan kasus. Akhir sekali penemuan membincangkan KGN bahasa Mah Meri menggunakan kerangka program minimalis. Oleh itu, penyelidikan ini menetapkan kategori kata nama Mah Meri dan menunjukkan strukturnya.

Adalah diharapkan hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan bahasa dan juga bahasa ketiga amnya. Sesungguhnya permasalahan yang dipaparkan dalam kajian ini bukan berlaku di kawasan kajian yang melibatkan bahasa Asli Mah Meri semata-mata, akan tetapi permasalahan ini

jugalah berlaku di serata tempat oleh komuniti bahasa-bahasa lain. Kegagalan untuk menguasai bahasa ibunda dilihat sebagai penyebab utama fenomena peralihan dan percampuran kod sehingga membawa kepada gejala kepupusan sesuatu bahasa. Hasil kajian ini menyokong bahawa kecenderungan untuk menggunakan bahasa lain adalah tinggi akibat daripada keperluan tertentu seperti akademik dan ekonomi. Oleh itu, harapan penyelidik semoga kajian ini dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya memelihara, seterusnya mengekalkan khazanah warisan nenek moyang kita, tanpa mengira dari mana mereka datang dan asal usul bangsa dan keturunan mereka. Selain itu, adalah diharapkan kajian ini mampu menerbitkan kesedaran kepada semua akan peri pentingnya memelihara keutuhan bahasa ibunda komuniti sendiri berdasarkan petikan Ralph Waldo Emerson, “Bahasa adalah arkib sejarah”.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS): FRGS/1/2021/WAB10/UKM/02/2 dan Geran Universiti Penyelidikan UKM (GUP) GUP-2021-062.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2014. *The Mah Meri Languange: An Introduction*.
- Chomsky N. 1995. *The Minimalist Program*. MIT Press: Cambridge Mass.
- Conrod K. 2019. Pronouns Raising and Emerging. PhD thesis: University of Washington.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2011. The syntactic structure of a noun phrase: Austroasiatic vs. Austronesia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*. 19 (1): 263-271
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2018. Kata soal brapa dalam dialek Perlis: Analisis program minimalis. *Jurnal Bahasa* 18(1): 103-120.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Mohd Romzi Ramli. 2015. Kata ganti nama bahasa Mendriq: Analisis program minimalis. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 15 (3): 67-82.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. 2019. Variasi leksikal dialek melayu di negeri Kedah: Kajian geolinguistik. *Jurnal Geografi*. 15(4): 16-29.

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Sarah Nur Najwa Mohd Nasir. 2020. Kata kerja bantu dialek Kelantan: Analisis kerangka program minimalis. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 8 (2): 1-15.
- Herring J. 2016. Grammar Construction In The Minimalist Program. PhD Thesis. Indiana University Dissertation.
- Idris Aman, Mohammed Azlan Mis. 2016. *Variasi Bahasa*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Khairul Paridia & I Nyoman Sudika. 2018. Pronouns traces of grammar transformation version of government and binding. *International Journal of Social Sciences and Humanities*: 175-186.
- Lai, T., & Reduzan, N. H. 2013. Kata ganti nama diri orang dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu: Satu analisis kontrastif. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 4(1): 162 - 179. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Maisarah, K. Kadhim & Zahid Ali Veesar. 2016. semantic analysis of theta roles of verbs in the Mah Meri languange. *Jurnal of English Education* 5:49-70.
- Maulana Al-Fin Bin Che Man & Fazal Mohammed Mohammed Sultan. 2020. Ayat selapis dalam dialek Perlis menggunakan kerangka minimalis. *Jurnal Linguistik* 24 (1): 001-018.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. 1987. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim & Ton Ibrahim. 1977. Laporan Penyelidikan Bahasa di Ulu Tembeling. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Rohana Yusof. 2003. *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTA Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2012. Situasi, peristiwa dan lakuhan bahasa dalam Kalang Sama. *Jurnal Akademika*. 82(1): 3-14.
- Tahir Saleem & Mian Abdul Rahaman. 2019. A Minimalist Analysis of Content and Structural Heads in the Headlines of Pakistani English and Urdu Newspapers. University of Central Punjab, Lahore. Pakistan.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan (corresponding Author)  
 Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi, Selangor  
 Email: fazal@ukm.edu.my
- Siti Nur Balqis Binti Mohamad Yusof  
 Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi, Selangor  
 Email: balqisyusof1998@gmail.com